



#### UPM Sedia Enam Aktiviti Muzik



Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof. Madya Dr. Laili Paim sedang mengadakan sidang media bagi membincangkan tentang Program Wacana Muzik Bulan April 2009.

**SERDANG, 3 April** – Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan program Wacana Muzik yang mempersembahkan enam aktiviti muzik secara percuma pada bulan ini.

Ketua Jabatan Muzik UPM, Dr. Chan Cheong Jan berkata enam aktiviti tersebut ialah Master Class Piano pada 9 April dan Resital Solo Piano pada 10 April di jabatan itu yang akan ditunjuk ajar oleh pemain piano antarabangsa, Prof. Julian Jacobson dari Royal School of Music, London.

Konsert Koir pada 4 April akan mempersembahkan nyanyian solo oleh pelajar muzik dan penyanyi jemputan pimpinan pengajar koir UPM yang berpengalaman di Amerika Syarikat, Ian Tan Sui Peng.

Konsert Simfoni Orkestra Jabatan Muzik UPM dengan kerjasama School of Music, University UCSI akan diadakan pada 24 April yang diterajui dua pemimpin orkestra veteran terkenal negara iaitu Brian Tan dan Cheryl Mah yang akan diadakan di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM.

Simfoni Orkestra tersebut juga akan menonjolkan bakat pelajar muzik dalam persembahan concerto oleh Tham Horng Kent iaitu Beethoven's Piano Concerto No 1.

Persembahan lain ialah Resital Solo iaitu persembahan muzik solo oleh pelajar semester akhir yang bergiat aktif muzik seperti piano iaitu Elim Ng, Angela Chin, Loy Win Nee dan Tham Horng Kent, violin oleh Louanne C. M. Fredericks dan piano jaz oleh Connie Ngan Siew Yee selama satu jam pada 21 hingga 23 April di Panggung Percubaan UPM.

Dr. Chan berkata persembahan yang akan diadakan merupakan salah satu tunjuk ajar yang diberi kepada pelajar semester akhir dan pelajar perlu membuat persembahan solo, koir, orkestra dan persembahan dalam kumpulan kecil.

Beliau berkata pelajar perlu melalui pendedahan setiap bentuk persembahan bagi menyesuaikan diri dalam situasi yang berbeza untuk tempoh enam semester pengajian.

Seminar penyelidikan The Colloquium for Music Research 2009 'Exploring Music, Defining Education' pada 28 hingga 29 April akan dibentangkan oleh penyelidik muzik tradisional iaitu Prof. Drs Triyono Bramantyo dari Institut Seni Indonesia bagi kajian muzik rakyat.

Seminar itu juga akan membentangkan 16 kertas kerja mengenai topik kajian muzik hayat, muzikologi dan pendidikan muzik oleh pensyarah dan pelajar siswazah.

Persembahan resital solo khas oleh pemain muzik Iran, Mahdi Aghily juga akan diketengahkan dalam seminar tersebut.

Sementara itu Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof. Madya Dr. Laili Paim berkata program tersebut bertujuan menghebahkan hasil pembelajaran dan penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Muzik UPM kepada masyarakat awam mengenai pengajian muzik di UPM pada peringkat sarjana muda dan sarjana.

"Ianya juga adalah bagi menggalakkan pembelajaran yang berterusan dengan perkongsian pengetahuan dan pengalaman secara khusus dengan pakar muzik dari dalam dan luar negara," katanya.



*Ketua Jabatan Muzik, Dr. Chan Cheong Jan.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia